

**Penggunaan peta pemikiran m-cycle dalam pengajaran bahasa melayu bagi murid  
pekak: satu kajian tindakan di sekolah pendidikan khas**

**ABSTRACT**

Kajian tindakan ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam penguasaan kosa kata bahasa Melayu yang dihadapi oleh murid pekak di sebuah Sekolah Pendidikan Khas di Sabah, Malaysia. Peta Pemikiran M-Cycle iaitu adaptasi daripada Peta Pemikiran [1] telah digunakan sebagai bahan intervensi dalam kajian ini. Seramai empat orang murid pekak telah terlibat dalam kajian ini. Data pemerhatian, temu bual dan soal selidik sosiometri telah dikumpulkan dan ditriangulasikan untuk melihat pencapaian objektif kajian sekali gus menjawab persoalan kajian. Kajian ini berpandukan reka bentuk model kajian tindakan [2]. Pelaksanaan kajian telah dijalankan sebanyak dua kitaran. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat penambahbaikan yang ketara dalam penguasaan kosa kata murid selepas pelaksanaan tindakan. Penggunaan Peta Pemikiran M-Cycle yang diintegrasikan dengan kaedah-kaedah pedagogi yang sesuai telah dapat membantu murid pekak menguasai kosa kata bahasa Melayu dengan lebih baik.